

**Najib Optimis Skuad Harimau Muda A Mampu Juara Pestabola Merdeka
Bernama
7 Sept, 2013**

KUANTAN, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak optimis skuad Harimau Muda A mampu muncul juara kejohanan Pestabola Merdeka 2013 yang bermula hari ini sehingga 14 Sept, di Stadium Darul Makmur.

Skuad kendalian Jurulatih Ong Kim Swee mendapat suntikan semangat apabila menerima kunjungan Najib sebelum sepak mula perlawanan pembukaan Pestabola Merdeka 2013 menentang Singapura di Stadium Darul Makmur, di sini Sabtu.

Beliau meluangkan masa kira-kira 15 minit bertemu skuad Harimau Muda.

Perdana Menteri melahirkan keyakinan bahawa skuad kendalian Kim Swee berpeluang mempertahankan pingat emas pada temasya Sukan SEA, Myanmar pada Disember depan.

"Tentu sekali nak jadi juara namun sasaran utama untuk kekalkan pingat emas di Sukan SEA Myanmar," katanya kepada pemberita di Stadium Makmur di sini.

Skuad Harimau Muda dijadual menentang Myanmar pada Isnin sebelum bertemu Thailand, Rabu ini.

Untuk rekod, skuad senior kebangsaan memenangi kejohanan ini sebanyak sembilan kali iaitu pada 1958, 1959, 1960, 1968, 1973, 1974, 1976, 1986 dan 1993.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975998>